

16 APR 1998  
Malaysia-Uganda  
KL DAN KAMPALA SETUJU TINGKAT PERDAGANGAN

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Malaysia dan Uganda hari ini menandatangani dua perjanjian bertujuan memperluaskan kerjasama perdagangan dan hubungan dua hala.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Yoweri Museveni dari Uganda menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu setelah mengetuai delegasi masing-masing pada perbincangan di Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Negara bagi Perancangan dan Pembangunan Ekonomi, Sam Kutesa mewakili kerajaan masing-masing menandatangani Perjanjian Perdagangan.

Satu lagi perjanjian iaitu bagi kerjasama ekonomi, saintifik dan kebudayaan pula ditandatangani oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Pertama yang juga Menteri Luar Uganda, Eriya Kategaya.

Museveni tiba semalam untuk lawatan negara selama empat hari.

Dalam persidangan berita selepas perbincangan itu, Abdullah berkata Malaysia dan Uganda bersetuju supaya perdagangan dua hala yang berjumlah RM17.5 juta pada tahun lepas diperluaskan.

Tahun lepas, eksport Malaysia ke negara Afrika itu berjumlah RM14 juta terutama perkakas dan kelengkapan telekomunikasi dan rakaman suara, tekstil, perabot, kasut dan bahan bercetak.

Abdullah berkata Museveni mencadangkan supaya Malaysia mempertimbangkan bagi mengadakan pelaburan dalam beberapa bidang seperti penghasilan barang-barang tempatan, pembangunan serta perladangan bagi koko, teh, kopi dan tebu.

Presiden itu berharap peniaga dan pelabur Malaysia akan melabur dalam bidang perhotelan dan pelancongan yang sedang berkembang di Uganda yang dilawati Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton bulan lepas.

"Perdana Menteri telah berjanji untuk menghantar seorang menteri dan rombongan ahli-ahli peniaga dan pelabur Malaysia untuk melawat Uganda bagi meninjau peluang-peluang pelaburan dan perniagaan," kata Abdullah.

Menurutnya, Dr Mahathir menyatakan bahawa Malaysia berminat untuk melabur dalam bidang telekomunikasi dan penjana tenaga.

"Tetapi di samping itu Perdana Menteri menyatakan boleh jadi pada waktu ini kemampuan ahli-ahli perniagaan atau pelabur Malaysia agak kurang sikit setelah kita menghadapi kegawatan ekonomi," kata Abdullah.

Uganda juga meminta kerjasama Malaysia bagi mendapatkan latihan untuk pembangunan tenaga manusia.

Kuala Lumpur juga bersedia memberikan kursus berkaitan penswastaan serta membantu mewujudkan kawasan perdagangan bebas dan perindustrian, jika diperlukan oleh Uganda.

Abdullah berkata Uganda bersetuju menyokong Malaysia untuk kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai anggota tidak tetap bagi penggal 1999/2000.

-- BERNAMA

AZZ MAI